



(DARI Kiri) Mohd. Samsudin, Zuliskandar Ramli, Wan Hashim Wan Teh, Zaharah Sulaiman, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Bambang Budi Utomo dalam Seminar Asal-Usul Melayu dan Kelangsungan Kerajaan Melayu di Asia Tenggara di UKM, Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAIRUZ IZYANA AYUB

# Bangsa Melayu keturunan Orang Asli Asal

**KUALA LUMPUR 15 April** - Hasil penyelidikan yang dijalankan beberapa pakar sejarah mendapati pembentukan bangsa Melayu bermula daripada nenek moyang Orang Asli Asal yang berlabuh di benua Sunda lebih 60,000 tahun lalu.

Penyelidik sejarah dan penulis dari Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM), Zaharah Sulaiman berkata, kajian itu terbukti berdasarkan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) yang telah dijalankan terhadap Orang Asli dengan tulang-tulang manusia prasejarah.

Katanya, bangsa Melayu semakin berkembang apabila berlakunya aktiviti merantau dan penghijrahan yang seterusnya membentuk beberapa suku kaum etnik komposisi Melayu Proto serta Orang Asli Asia Tenggara.

"DNA Orang Asli Semenanjung pula menunjukkan pertalian dengan Austro-Asiatics selatan Burma yang membangun secara sendiri di Andaman, Siam, Kemboja dan

Champa. "Sebab itu, hari ini kita dapat melihat pelbagai etnik Melayu seperti Melayu Siam, Melayu Kemboja, Melayu Champa, Melayu Mon-Pyu, Melayu Filipina, Melayu Madagaskar dan banyak lagi namun dari segi baka serta keturunannya kesemua etnik itu adalah sama iaitu rumpun Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Asal Usul Melayu Dalam Pelbagai Perspektif Kajian Terkini* dalam Seminar Asal-Usul Melayu dan Kelangsungan Kerajaan Melayu di Asia Tenggara di Bilik Senat Bangunan Canselori Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dekat sini hari ini.

Majlis perasmian seminar tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua IAAM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. Yang turut hadir Prof. Emeritus Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh, Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli, Dr. Mohd. Sam-

sudin dan Bambang Budi Utomo. Dalam kajian yang sama Zaharah memberitahu, pelbagai penyelidikan turut menunjukkan gen orang Taiwan kepada genetik populasi di Asia Tenggara agak kecil selain tiada bukti berlakunya penghijrahan petani dari negara itu.

Bagaimanapun, katanya, penyelidik sejarah percaya bahawa sebahagian besar orang Yunnan dan Taiwan berasal dari Asia Tenggara berdasarkan DNA tempoh usia mereka yang lebih muda iaitu 52,000 tahun.

"Penyelidikan khusus dan terperinci yang dijalankan di Yunnan mendapati puluhan etnik masyarakat di sana, tiada seorang pun bertutur dalam bahasa Melayu malah tidak ada satu perkara pun di situ menggunakan bahasa tersebut.

"Sekurang-kurangnya ada sisa-sisa bukti malangnya langsung tiada selain ciri-ciri fizikal orang Yunnan juga langsung tidak kelihatan menyerupai bangsa Melayu," katanya.